SAMPEL PERCUMA

Soalan Pendidikan Islam Format SPM 2023 Melaka + Skema

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Folder Google Drive · Pendidikan Islam 35+ set

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Jawab semua soalan

1. (a) Firman Allah SWT

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْآخِرِ
وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ۝ ٱلَّذِينَ
ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ
وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ۝

(Surah at-Taubah : 19-20)

Ayat di atas menerangkan tentang tuntutan pelaksanaan *Fiqh al-Aulawiyyat* dalam kehidupan.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan maksud *Fiqh al-Aulawiyyat* ? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** prinsip asas dalam *Fiqh al-Aulawiyyat.* [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌلَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ

(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari dalam kehidupan.

(i) Nyatakan maksud berdikari. [2 *markah*]

(ii) Terangkan pengajaran daripada hadis di atas. [2 *markah*]

> "Tidak memakan seseorang sesuatu makanan yang lebih baik daripada memakan hasil daripada hasil kerja tangannya sendiri dan sesungguhnya nabi Allah Daud a.s. makan daripada hasil kerja baginda sendiri"
>
> (Riwayat Bukhari)

(iii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong kebenaran hadis di atas. [4 *markah*]

(c) Nyatakan cara bacaan *qalqalah kubra.* [2 *markah*]

2 **(a)** Nama Allah al-Raqib merupakan satu daripada nama Allah yang indah.

(i) Apakah maksud al-Raqib?. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Raqib. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** tindakan yang akan dilakukan oleh orang yang beriman dengan nama Allah SWT al-Raqib. [4 *markah*]

(b) **(i)** Nyatakan takrif ajaran sesat. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek akidah. [4 *markah*]

Ajaran sesat adalah satu fenomena yang semakin menular dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

(iii) Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya situasi di atas tidak dibendung. [4 *markah*]

3 **(a)** **(i)** Nyatakan maksud umrah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** perkara wajib haji. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara ibadat haji dan umrah. [4 *markah*]

(b) **(i)** Nyatakan **dua** larangan semasa iddah. [2 *markah*]

(ii) Lengkapkan jadual berikut

Situasi	**Tempoh iddah bercerai hidup**
Belum putus haid	
Sedang hamil	

[2 *markah*]

(c) **(i)** Nyatakan maksud solat sunat istikharah [2 *markah*]

> ”Jika salah seorang daripada kalian gusar tentang sesuatu perkara maka dirikanlah solat sunat dua rakat selain daripada yang difardukan”
>
> (Riwayat Muslim)

(ii) Berdasarkan hadis di atas, kemukakan hujah anda berkaitan galakan perlaksanaan solat sunat Istikharah. [4 markah]

4 **(a)** **(i)** Nyatakan sejarah kerajaan Umaiyyah secara ringkas. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umaiyyah dari aspek pendidikan. [4 *markah*]

> Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman

(iii) Merujuk pernyataan di atas, bagaimanakah anda sebagai pemimpin dapat mengambil iktibar bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni. [4 *markah*]

(b) **(i)** Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Prof. Dr. Ahmad Ibrahim. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam bidang perundangan. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh tersebut. [4 *markah*]

5 **(a)** **(i)** Apakah maksud wasatiah ?. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** ciri umat yang cemerlang. [4 *markah*]

(iv) Terangkan **dua** hikmah melaksanakan prinsip wasatiah dalam kehidupan. [4 *markah*]

(b) **(i)** Nyatakan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kesan kerosakan alam sekitar. [2 *markah*]

(iii) Terangkan hikmah adab menjaga alam sekitar. [2 *markah*]



Pencemaran Sungai Di Malaysia

(iv) Berdasarkan gambar di atas, huraikan tindakan yang boleh dilakukan untuk menangani isu tersebut. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

Peraturan Pemarkahan

1(a)	**(i)**	Maksud *Fiqh al-Aulawiyyat*.: - Mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan /berdasarkan prinsip syarak.	[2 *markah*] 1 isi x 2m
	(ii)	**Dua** prinsip asas dalam *Fiqh al-Aulawiyyat:* - Bersumberkan dalil syarak - Mengutamakan perkara yang diutamakan oleh syarak. - Mengambil kira keperluan semasa dan setempat - Mengutamakan keperluan atau manfaat bersama berbanding dengan manfaat peribadi. - Mengambil kira tahap keutamaan individu	[4 *markah*] 2 isi x 2m
	(iii)	**Dua** pengajaran daripada ayat di atas: - Kita hendaklah sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah dan hari akhirat / kerana keimanan ialah kunci penerimaan segala ibadat - Kita hendaklah sentiasa berazam untuk berjihad dengan tenaga dan harta / supaya kita mendapat ganjaran yang besar disisi Allah - Kita hendaklah sentiasa berhijrah kepada yang lebih baik / supaya menjadi insan yang produktif - Kita hendaklah sentiasa berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan / kerana kebaikan itu akan diberi ganjaran pada hari akhirat. Catatan: Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.	[4 *markah*] 2 isi x 2m Isi = 1m Huraian = 1m
(b)	**(i)**	Maksud berdikari: - Berusaha sendiri /dan tidak bergantung pada bantuan orang lain	[2 *markah*] 1 isi x 2m
	(ii)	Pengajaran hadis di atas: - Kita hendaklah memandang mulia kepada pekerjaan yang halal/ walaupun hasilnya sedikit - Kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta dan bergantung pada orang lain / demi memelihara kemuliaan dan maruah sendiri. - Kita hendaklah mencari ilmu dan kemahiran / untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik. - Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan mengikut keupayaan / agar hidup dirahmati.	[2 *markah*] 1 isi x 2m Isi = 1m Huraian = 1m

<table>
<tr>
<td></td>
<td>(iii)</td>
<td>Kemukakan hujah anda untuk menyokong kebenaran hadis di atas.
Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi.Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Fokus kepada kelebihan bekerja sendiri
Cadangan isi: -
- mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal
- dipandang mulia
- rezeki diberkati

Catatan:
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td>
<td>[4 markah]</td>
</tr>
<tr>
<td>(c)</td>
<td></td>
<td>Cara bacaan Qalqalah Kubra :
- Bunyi lantunan kuat/ mendetak dengan kuat (1m) / Ketika menyebut huruf qalqalah Ketika waqaf (1m)</td>
<td>[2 markah]

1 isi x 2m</td>
</tr>
<tr>
<td>2(a)</td>
<td>(i)</td>
<td>Maksud al-Raqib ialah
- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT maha mengawasi (1m) / semua perbuatan dan keadaan makhluk</td>
<td>[2 markah]

1 isi x 2m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td>(ii)</td>
<td>Dua bukti Allah SWT bersifat al-Raqib :
- Allah SWT maha mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan laranganNya
- Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.</td>
<td>[4 markah]

2 isi x 2m</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr>
<td>(c)</td>
<td>(i)</td>
<td>Maksud solat sunat istikharah ialah
- solat yang dilakukan untuk memohon petunjuk Allah SWT / dalam menentukan pilihan bagi sesuatu perkara</td>
<td>[2 markah]

1 isi x 2m</td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td>(ii)</td>
<td>Rubrik perskoran
<table>
<tr><td>Kriteria</td><td>skor</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi: (Fokus kepada hikmah dan kelebihan melakukan solat sunat istikharah)
- Meningkatkan keimanan
- Mendidik umat Islam memohon sesuatu kepada Allah
- Menjauhkan diri daripada perbuatan syirik

Catatan:
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td>
<td>[4 markah]</td>
</tr>
<tr>
<td>4(a)</td>
<td>(i)</td>
<td>sejarah kerajaan Umaiyyah secara ringkas.

- Asal penubuhan :Bersempena nama Umaiyyah bin Abd Syams
- Pengasas :Muawiyyah bin Abi Sufian
- Tempoh memerintah :41-132 Hijrah
- Keluasan kerajaan : Meliputi sebahagian besar benua Afrika,Asia dan Eropah
- Bilangan khalifah : 14 orang khalifah
- Khalifah pertama : Muawiyyah bin Abi Sufian
- Khalifah terakhir : Marwan bin Muhammad
- Pusat pemerintahan : Damsyik ,Syiria</td>
<td>[2 markah]

2 isi x 1m</td>
</tr>
</table>

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Folder Google Drive · Pendidikan Islam 35+ set

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar